



KERTAS CADANGAN ISU KEBAJIKAN JURUTERA

PENDAHULUAN



Kertas cadangan ini untuk diserahkan kepada YAB Perdana Menteri agar dapat mempertimbangkan Isu Kebajikan Jurutera yang dilihat mampu menggugat kesinambungan profesion ini yang merupakan salah satu tulang belakang kepada pembangunan negara bagi jangka masa panjang.

Kertas cadangan ini **merangkumi analisa punca masalah** yang menyumbang kepada isu ini, serta **solusi penambahbaikan** ekosistem secara holistik untuk dipertimbangkan oleh Kerajaan Malaysia.

lanya disediakan hasil daripada kajian dan diskusi oleh Pasukan Penyelidik Kluster Kejuruteraan di bawah Jabatan Profesional Muda (JPro), Dewan Pemuda PAS Malaysia bersama para jurutera muda, pemain utama industri, NGO Kejuruteraan serta para ahli akademik dalam bidang kejuruteraan.



KERTAS CADANGAN
ISU KEBAJIKAN
JURUTERA

#NurturingProfessionals

www.jpro.org.my

OGOS 2022

ISI KANDUNGAN

Latar Belakang.....	1
Isu 1 : Gaji Jurutera & Kos Sara Hidup.....	2
Isu 2 : Kelemahan Penguatkuasaan Akta 138.....	4
Isu 3 : <i>Demand vs Supply</i> Bagi Jawatan Jurutera.....	7
Isu 4 : Taraf Teknologi Industri di Malaysia (<i>Low Tech</i>).....	10
Isu 5 : Skala Yuran Perunding Yang Rendah.....	13
Penutup.....	15



LATAR BELAKANG



Berdasarkan Dokumen Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030, Malaysia disasarkan untuk mencapai status Negara Berteknologi Tinggi menjelang tahun 2030. Seiring dengan itu, Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) melalui kenyataan akhbar bertarikh 23 November 2018 juga telah menetapkan sasaran nisbah jurutera untuk berada pada kadar 1:100 menjelang tahun 2025 sebagai persediaan Negara menghadapi Revolusi Perindustrian 4.0. Namun sehingga hari ini, data daripada LJM menunjukkan nisbah jurutera di Malaysia masih berada pada kadar 1:172, iaitu 72% kurang berbanding sasaran.

Di samping itu, trend kemasukan pelajar ke program Kejuruteraan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) semakin menurun. Rajah 1 menunjukkan bilangan kemasukan pelajar ke aliran Kejuruteraan di IPT telah menyusut sebanyak 26% antara tahun 2016 hingga 2020.

Dalam pada itu, negara masih dibelenggu dengan masalah kebajikan jurutera, terutamanya berkaitan isu gaji yang tidak sepadan dengan kos sara hidup.

Situasi ini memberi kesan negatif terhadap sasaran Negara bagi menghasilkan bilangan Jurutera yang mencukupi dan berkualiti untuk membangunkan ekonomi, infrastruktur dan teknologi yang membolehkan Malaysia mampu berdaya saing di peringkat antarabangsa.



Rajah 1: Bilangan Kemasukan Pelajar ke Program Kejuruteraan (Sumber : KPT 2016-2020)



ISU 1

Gaji Jurutera & Kos Sara Hidup

ISU KEBAJIKAN JURUTERA

Permasalahan utama kepada Isu Kebajikan Jurutera adalah kadar gaji jurutera dan kos sara hidup yang tidak seimbang.

Data daripada PERKESO menunjukkan bahawa 22% daripada jawatan jurutera peringkat permulaan masih menawarkan pendapatan di bawah Paras Garis Kemiskinan (PGK) iaitu RM2,208 seperti yang tertera di Rajah 2.



Rajah 2: Bilangan Tawaran Jawatan Jurutera dan Julat Pendapatan Yang Ditawarkan (Sumber : EIS Centre, PERKESO , 2020)

Hasil tinjauan awal dalam kalangan komuniti jurutera umumnya mencadangkan di sektor swasta, agar pihak kerajaan menetapkan gaji minimum bagi gaji permulaan jurutera.

Namun, kaedah ini tidak organik dan akan memberi kesan rantaian menyeluruh kepada ekosistem ekonomi profesion kejuruteraan. Adalah lebih baik kadar gaji permulaan jurutera dibiarkan terapung berdasarkan 'demand and supply.' Namun begitu, terdapat beberapa solusi yang lebih tuntas boleh dilaksanakan oleh Kerajaan bagi memberi impak khususnya kepada kadar gaji permulaan jurutera dan kebajikan jurutera secara amnya.

Cadangan Solusi

Agenda mempertingkatkan martabat jurutera perlu diberi perhatian. Ini termasuklah dengan :

1. Pemberian elaun kepakaran bagi jurutera sektor awam yang telah berdaftar sebagai *Professional Engineer* dan *Professional Engineer with Practicing Certificate* (PEPC) di bawah Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) atau *Board of Engineers Malaysia* (BEM). Ini bertujuan mengiktiraf kepakaran dan meningkatkan martabat jurutera di sektor awam, sekaligus menjadi tanda aras gaji jurutera yang ditawarkan di sektor swasta.

2. Penilaian semula program Protege agar tidak disalah guna oleh pihak majikan untuk menawarkan gaji yang rendah kepada graduan kejuruteraan. Program Protege merupakan satu program inisiatif kerajaan Malaysia untuk membangunkan graduan menerusi program latihan dan pembangunan. Elaun saraan yang ditetapkan adalah RM2,000 sebulan. Namun, terdapat sebilangan majikan yang menawarkan gaji yang sama seperti elaun Protege, iaitu sebanyak RM2,000 sebulan walaupun setelah tamat tempoh program latihan. Ini telah memberi isyarat yang salah kepada industri seolah-olah gaji jurutera hanyalah RM2,000. Oleh itu, Kerajaan digesa mengkaji dan menambahbaik semula pelaksanaan program ini, seperti memastikan majikan menawarkan gaji yang lebih tinggi daripada elaun Protege bersesuaian dengan jawatan yang ditawarkan serta kos sara hidup di kawasan tempat bekerja.

3. Penguatkuasaan pendaftaran graduan jurutera sebagai Jurutera Siswazah atau *Graduate Engineer* (GE) melalui LJM di syarikat berkaitan kerajaan ataupun *Government Linked Company* (GLC). Ini boleh dilaksanakan melalui pemeriksaan, bimbingan dan galakan daripada majikan, serta memberi imbuhan sekiranya mereka berjaya sehingga ke peringkat Jurutera Profesional atau *Professional Engineer* (PE).



ISU 2

Kelemahan Penguatkuasaan Akta

138 Akta Pendaftaran Jurutera 1967

ISU KEBAJIKAN JURUTERA

Isu gaji berhubungkait dengan kelemahan penguatkuasaan Akta 138 (Akta Pendaftaran Jurutera 1967).

1. Perincian Akta 138 yang tidak jelas terhadap penggunaan istilah jawatan jurutera.

- Berdasarkan Akta 138 perkara 7 (1B), dinyatakan bahawa seseorang yang tidak berdaftar sebagai Jurutera Siswazah ataupun *Graduate Engineer* (GE) dengan LJM tidak boleh menggunakan gelaran "Grad.Eng" atau "Eng.Tech".
- Namun begitu, tidak dinyatakan sebarang tegahan ataupun larangan untuk menjawat jawatan bernama 'Jurutera' atau yang seumpama dengannya. Ini menyebabkan lambakan graduan yang boleh menjawat jawatan jurutera dalam industri walaupun tidak melalui dan mematuhi proses pendaftaran yang telah ditetapkan.

2. Perincian Akta 138 yang tidak jelas terhadap bidang tugas kejuruteraan.

- Berdasarkan Akta 7(2)(a), dinyatakan tanpa menafikan Perkara/Seksyen 7(1) dan Perkara/Seksyen 7(1A) bahawa GE yang berdaftar boleh mengamalkan perkhidmatan kejuruteraan profesional tertakluk kepada Perkara/Seksyen 8.
- Namun begitu, tidak dinyatakan sebarang tegahan ataupun larangan secara jelas bahawa jurutera yang tidak berdaftar tidak boleh menjalankan perkhidmatan kejuruteraan profesional.

Pekeliling terbaru LJM bertarikh 27 Ogos 2021 ada menyentuh isu penegasan penggunaan istilah jawatan jurutera serta perincian bidang tugas kejuruteraan. Namun begitu, aspek penguatkuasaan masih perlu dijalankan dengan lebih tegas.

3. Pelanggaran Akta 138 dalam industri berkenaan bidang tugas kejuruteraan.

- Berdasarkan perkara 8(1), dinyatakan bahawa melainkan ada undang-undang bertulis lain, tiada pihak selain Jurutera Bertauliah dengan Sijil Pengamalan atau *Professional Engineering with Practicing Certificate* (PEPC) yang bermastautin dan bekerja di Malaysia, atau yang berkhidmat dengan badan penasihat kejuruteraan yang menawarkan khidmat kejuruteraan profesional di Malaysia, boleh menghantar pelan, bancian kejuruteraan, lukisan, skema, usul, laporan, reka bentuk atau kajian ke mana-mana orang atau pihak berwajib di Malaysia.
- Namun hakikatnya, terdapat banyak kes pelanggaran Perkara 8 (1) dalam industri yang melibatkan senario ketiadaan PEPC untuk memantau dan mengawal selia kerja perkhidmatan kejuruteraan profesional.

4. Tiada penguatkuasaan bagi Akta 138 di bawah LJM.

- Akta 138 tidak menggariskan secara spesifik tentang mana-mana unit yang bertanggungjawab melaksanakan tugas penguatkuasaan Akta 138.
- Setakat ini, penguatkuasaan Akta 138 dilaksanakan melalui aduan oleh orang ramai, di mana borang aduan disediakan di laman web LJM.
- Sebagai sebuah badan yang berperanan melindungi kepentingan orang awam, LJM perlu menegaskan penggunaan jawatan Jurutera bagi mereka yang berdaftar dengan LJM sahaja bagi memastikan orang awam mendapat perkhidmatan kejuruteraan profesional terbaik mengikut piawaian yang telah ditetapkan.

ISU KEBAJIKAN JURUTERA

Kelemahan penguatkuasaan Akta 138 boleh menjatuhkan mutu kerja kejuruteraan di Malaysia secara keseluruhannya, mengakibatkan majikan menawarkan gaji yang rendah kepada jurutera muda.

Cadangan Solusi 2

1. Membentuk Unit Khas Penguatkuasaan Akta 138 di bawah LJM yang secara aktif berperanan untuk mengajukan kes pelanggaran akta untuk dibawa ke peringkat pendakwaan melalui Pejabat Pendakwa Raya (*Attorney General*). Kawalan selia boleh dimulakan terhadap syarikat GLC dan MNC sebagai pemain utama dalam industri.
2. Menambah baik Akta 138 untuk turut melindungi kebajikan dan keselamatan jurutera dan teknologis seperti menawarkan gaji yang bersesuaian dengan jawatan, skop kerja dan kadar risiko yang datang dengan kerja yang ditawarkan.
3. Menambah baik Akta 138 untuk menetapkan agar semua projek berkaitan dengan kejuruteraan di sektor awam perlu diseliasa oleh individu yang mempunyai latar belakang kejuruteraan.
4. Menubuhkan satu jawatankuasa khas melibatkan semua pemain taruh terlibat untuk Isu Kebajikan Jurutera yang dianggotai oleh wakil LJM (KKR), MBOT (MOSTI), NGO, ahli akademik, Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Selain itu, jawatankuasa ini perlu melibatkan persatuan-persatuan pengamal kejuruteraan di Malaysia. Sokongan persatuan-persatuan ini adalah penting kepada kerajaan dan perlu dilibat sama untuk memperolehi penyelesaian yang lebih komprehensif.
5. Memperkasa kaedah untuk mengenal pasti senarai program kejuruteraan dari Institut Pengajian Tinggi dari dalam dan luar negara yang diakreditasi oleh badan akreditasi antarabangsa bagi memudahkan urusan para graduan untuk mendaftar sebagai *Graduate Engineer* ataupun *Engineering Technologist*.






ISU 3

Demand and Supply Bagi Jawatan Jurutera

ISU KEBAJIKAN JURUTERA



Ketidakseimbangan antara jumlah graduan kejuruteraan dengan permintaan dari industri telah dikenalpasti sebagai salah satu punca yang menyumbang kepada isu kebalik jurutera. Rajah 3 menunjukkan jumlah graduan kejuruteraan keluaran IPT (sumber : KPT 2020) adalah 17 kali ganda lebih tinggi berbanding peluang pekerjaan kejuruteraan di peringkat permulaan (sumber : PERKESO 2020).



Rajah 3: Jumlah Graduan dan Peluang Pekerjaan (Sumber : KPT & PERKESO).

Penghasilan Graduan Kejuruteraan di IPT.

Hari ini, proses akreditasi program kejuruteraan di IPT berada di bawah seliaan badan wakil LJM, Kementerian Kerja Raya Malaysia iaitu *Engineering Accreditation Council* (EAC) dan *Engineering Technology Accreditation Council* (ETAC). Proses akreditasi ini dijalankan bertujuan bagi memastikan graduan kejuruteraan mendapat persediaan yang secukupnya sebelum memasuki alam kerjaya dalam profesion kejuruteraan.


Berdasarkan dokumen panduan bertajuk 'Standard Akreditasi Program Kujuruteraan 2020' oleh EAC, proses akreditasi ini dijalankan dengan penglibatan wakil dari dari LJM, *Institute of Engineers Malaysia* (IEM), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan *Malaysia Qualifications Agency* (MQA) sebagai panel penilai luar untuk menilai standard akademik bagi sesebuah program kejuruteraan. Aspek yang dinilai merangkumi objektif pendidikan program, hasil program, kurikulum akademik, pelajar, staf akademik dan sokongan, fasiliti, serta sistem pengurusan kualiti.

Untuk rekod, sebanyak 72 buah universiti tempatan dengan 276 program Sarjana Muda Kejuruteraan telah mendapat akreditasi EAC dan ETAC pada tahun 2020.

Punca Oversupply Graduan Kejuruteraan.

Punca penghasilan jumlah graduan kejuruteraan yang tinggi di IPT melebihi peluang pekerjaan adalah untuk mencapai sasaran bilangan jurutera bagi negara maju, iaitu pada nisbah 1:100. Ini bermaksud seorang jurutera diperlukan bagi setiap 100 orang rakyat. Dengan populasi seramai 32.7 juta orang, Malaysia perlu menghasilkan seramai 327,000 orang jurutera bagi mencapai sasaran ini. Namun begitu berdasarkan data daripada LJM, bilangan terkini jurutera yang telah berdaftar masih di bawah sasaran iaitu pada nisbah (1:172), dengan rekod jumlah jurutera berdaftar seramai 185,794 orang pada Mac 2022. Bagi mencapai nisbah 1:100, IPT terus mensasarkan untuk menghasilkan graduan setiap tahun.

Rajah 4 menunjukkan bilangan semasa jurutera yang berdaftar dengan LJM (nisbah 1:172) dan sasaran jurutera bagi negara maju (nisbah 1:100).



Rajah 4: Jumlah Jurutera Berdaftar dan Sasaran Jumlah Jurutera (Sumber: LJM, Mac 2022)

Namun begitu, jumlah semasa jurutera ini hanya mengambil kira jurutera yang berdaftar dengan LJM. Sebaliknya, jurutera yang tidak berdaftar dengan LJM tidak termasuk di dalam statistik tersebut. Ini menyebabkan kekeliruan dalam menggambarkan jumlah sebenar jurutera di Malaysia yang seterusnya boleh menyumbang kepada isu lambakan jurutera berbanding permintaan semasa.

Oleh itu, titik harmoni antara kuantiti dan kualiti pengeluaran graduan kejuruteraan berbanding dengan penyediaan peluang pekerjaan perlu dikenalpasti dengan baik.

Cadangan solusi untuk masalah *demand and supply* graduan jurutera adalah seperti berikut:

ISU KEBAJIKAN JURUTERA

Cadangan Solusi 3

Pengehasilan graduan dari IPT :

Meskipun dengan keadaan *oversupply* graduan berbanding peluang pekerjaan kejuruteraan, Malaysia tidak boleh mengambil langkah ke belakang dengan mengurangkan kuantiti graduan yang dihasilkan. Berbanding kuantiti, kualiti graduan yang dihasilkan harus diberi perhatian agar selari dengan keperluan Negara mendepani IR 4.0 melalui langkah berikut :

1. Memperkasa hubungan antara IPT dan industri agar jurutera yang dilahirkan mempunyai skil yang diperlukan untuk menyokong agenda industri dan Negara membentuk ekosistem berteknologi tinggi. Usaha ini perlu dipantau secara berkala dan berterusan, antaranya melalui proses penilaian akreditasi program yang dijalankan oleh EAC atau ETAC bagi semua program kejuruteraan.

2. Pemerikasaan usaha sama antara Unit Perancang Ekonomi (EPU), Kementerian Sumber Manusia (KSM), dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk menetapkan secara spesifik sasaran yang diperlukan oleh Negara bagi bidang kejuruteraan tertentu dengan permintaan tinggi yang bakal menjadi tulang belakang pembentukan Negara Berteknologi Tinggi. Sasaran ini seterusnya dijadikan dasar panduan untuk IPT seluruh negara dalam merangka silibus dan pengambilan bilangan pelajar bagi setiap program kejuruteraan yang ditawarkan pada setiap tahun.

3. Penilaian semula terhadap metodologi *Tracers Study* (Kajian Keboleh-pasaran Graduan oleh KPT) khusus mengikut bidang yang diceburi oleh para graduan. Hari ini, *Tracer's Study* mengesan peratusan keboleh-pasaran graduan secara umum tanpa mengambil kira sama ada profesion yang diceburi adalah daripada bidang pengajian seorang graduan itu atau tidak. Pengesanan terhadap bidang yang diceburi akan lebih membantu untuk memahami realiti sebenar tahap keboleh-pasaran graduan, seterusnya digunakan untuk menilai kualiti program pengajian yang ditawarkan di IPT.

4. Menekankan dan memberi galakan kepada pembentukan skil *Technopreunor* sejak dari di IPT untuk memberi cabang baru aliran ekonomi di Malaysia untuk mereka yang bergelar jurutera.

5. Memperkasa program kesedaran tentang kepentingan dan peluang menceburi profesion jurutera kepada pelajar sekolah menengah dan ibu bapa sejak dari awal.



Cadangan Solusi 3

Permintaan graduan dari Industri :

1. Peningkatan suntikan ransangan oleh Kerajaan untuk menarik lebih banyak pelabur demi meningkatkan peluang pekerjaan dalam *high-tech* industri.

2. Peningkatan suntikan ransangan oleh Kerajaan bagi membentuk ekosistem yang lebih kondusif untuk menyokong para *Technopreunuer* dalam Negara.

3. Mengkaji semula bilangan sebenar jurutera di Malaysia (berdaftar dan tidak berdaftar) melalui kerjasama bersama Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi mendapatkan gambaran yang lebih tepat tentang bilangan jurutera di Malaysia.

4. Mengkaji semula nisbah pengeluaran graduan kejuruteraan di Malaysia, yakni menilai semula adakah nisbah sasaran 1:100 lebih sesuai dijadikan nisbah sasaran untuk profesion jurutera dan jurutera teknologis secara keseluruhan, bukan sekadar untuk jurutera.



ISU 4

Taraf Teknologi Industri di Malaysia (*Low Tech*)

ISU KEBAJIKAN JURUTERA


Kekurangan permintaan industri berteknologi tinggi terhadap jurutera berkemahiran tinggi juga adalah salah satu punca kepada isu ini.

Umumnya, negara Malaysia masih dikategorikan *Low-Tech Country* kerana tidak banyak industri berteknologi tinggi di Malaysia.

Ini dapat dilihat dari satu kajian dari Akademi Sains Malaysia yang menunjukkan hanya 16% penyelidik berkerja di Industri dan hampir 80% yang lain berkerja di IPT dan sektor kerajaan.

Jumlah ini sangat ketinggalan jika dibandingkan di negara-negara jiran lain seperti Thailand dimana 60% penyelidik berkerja dengan industri. Perincian boleh dirujuk di Rajah 5.


Justeru, penglibatan R&D di industri yang sangat rendah menyumbang kepada taraf teknologi industri di Malaysia.



Rajah 6: Kadar Inovasi bagi Sektor Ekonomi Utama di Malaysia.

Selain itu, Rajah 6 juga menunjukkan bahawa sebahagian industri Kejuruteraan seperti pertanian, pembinaan dan mesin & instrumen di negara ini masih berada dalam tahap inovasi sederhana atau rendah (sumber : EPU). Oleh itu, majikan hanya memerlukan graduan jurutera dengan skil yang rendah bagi memenuhi kekosongan jawatan jurutera. Majikan juga tidak perlu berbelanja lebih dengan teknologi sedia ada sekaligus dapat menjustifikasikan nilai kadar gaji yang lebih rendah bagi mengisi kekosongan jawatan.

Reality Check 3: Malaysia's researchers are mainly in Higher Learning Institutions limiting innovation capability of industry



Percentage of Researchers (in full-time equivalent)
 Source: Updated based on Science Outlook 2017 (ASM, 2019), data source : UNESCO Institute of Statistics Database retrieved in November 2019, MASTIC National R&D Survey 2019 (embargoed)

Rajah 5: Peratus Penyelidik yang terlibat di sektor industri, pendidikan dan Kerajaan.

ISU KEBAJIKAN JURUTERA

Cadangan Solusi 4

Bagi mengatasi masalah ini, kami mencadangkan agar pihak Kerajaan :

1. Menyediakan insentif kewangan kepada syarikat yang menyediakan latihan dan teknologi yang dapat membantu usaha meningkatkan tahap teknologi ke arah IR 4.0. yang digariskan oleh Kerajaan.
2. Menyediakan bantuan kewangan bagi individu jurutera yang berkelayakan untuk meningkatkan kompetensi diri melalui program *Upskilling* dan pengambilan sijil kelayakan yang diiktiraf badan regulator, juga program latihan untuk menghasilkan lebih ramai PE dan PEPC.
3. Merancakkan kesedaran tentang polisi MySTIE kepada Majikan dan Jurutera iaitu polisi yang menekankan kajian dan perkembangan Sains Teknologi yang mempunyai nilai komersial selari dengan keperluan industri semasa dan akan datang.
4. Menekankan Dasar Kerajaan Malaysia digital pada tahun 2030 melalui - (*MyDigital*) agar sektor industri terlibat secara langsung untuk mentransformasikan aspek digital secara maksima.
5. Memperkasakan sistem 'Universiti angkat' antara Institut Pengajian Tinggi dengan syarikat MNC dan GLC di Malaysia mengikut 'niche' industri masing-masing. Dengan kerjasama ini, pihak industri dari syarikat dapat berhubung dengan pihak Universiti secara langsung mengenai keperluan teknologi terkini untuk dibangunkan oleh para pelajar dan penyelidik di Institut Pengajian Awam.
6. Kerajaan dan Negara perlu agresif membawa Malaysia menuju ke arah *Knowledge-based* ekonomi dengan memperbanyak inovasi dan pengeluaran produk tempatan. Permasalahan lama perlu dikaji dan diperbetulkan.
7. Jurutera perlu dipandang sebagai aset syarikat dan dibangunkan kompetensinya dengan skil set yang betul dan mampu mencapai standard yang ditetapkan oleh majikan.



ISU 5

Skala Yuran Perunding Yang Rendah

ISU KEBAJIKAN JURUTERA

Pernyataan Masalah 5 : Skala Yuran Perunding Yang Rendah

Amalan penetapan yuran perundingan berdasarkan sistem bidaan menyebabkan pihak perunding terpaksa menawarkan tawaran yuran yang rendah untuk kekal kompetitif, malahan mungkin lebih rendah dari panduan yuran yang telah ditetapkan berdasarkan skala yuran perunding atau Scale of Fees (SOF). Akibatnya, jurutera yang bekerja di syarikat konsultansi ini akan ditawarkan dengan gaji yang rendah bagi menyerap kos keseluruhan.

Cadangan Solusi 5

Menambah baik panduan skala yuran perunding Kejuruteraan agar:

- Merangkumi semua disiplin, bukan sekadar untuk Kejuruteraan Awam dan Struktur (C&S) dan Mekanikal dan Elektronik (M&E).
- Melarang amalan penawaran yuran konsultansi yang lebih rendah dari SOF adalah dilarang.





PENUTUP

Kami percaya isu jurutera ini boleh menjadi indikator untuk menunjukkan kerajaan semasa prihatin terhadap isu rakyat seterusnya menjadi permulaan untuk kita terus membantu membela kebajikan profesion lain pula selepas ini.

Semoga Kerajaan terus komited untuk menjaga kebajikan rakyat Malaysia demi pembentukan Keluarga Malaysia yang sejahtera.

Sekian.

YB AHMAD FADHLI SHAARI

Ahli Parlimen Pasir Mas

Merangkap

Ketua Pemuda PAS Malaysia

Untuk maklumat lanjut, layari laman web kami di www.jpro.org.my.

#Nurturing Professionals